

## **BAB SATU**

### **KEMUNCULAN PERKEMBANGAN NASIONALISME DI ASIA TENGGARA**

#### **FAKTOR IMPERIALISME BARAT**

1. *Beban Orang Putih*
  - a. *Tanggungjawab untuk membentuk ketamadunan barat di Timur*
  - b. *Ingin menyerap teknologi, budaya dan agama Kristian.*
2. Revolusi Industri
  - a. Keperluan bahan Mentah untuk Industri
  - b. Lambakan Baragan untuk jualan.
3. Kekayaan Bahan Mentah
  - a. Beras/Padi
  - b. Kayu Jati
  - c. Getah
  - d. Bijih Timah
  - e. Rempah Ratus
4. Sistem Pengangkutan dan Perhubungan
  - a. Terusan Suez memendekkan perjalanan.
  - b. Teknologi kapal wap percepatkan perjalanan, tidak perlu menunggu angina monsun
  - c. Telegraph – alat komunikasi
  - d. Jalan keretapi dan jalan raya – permudahkan membawa keluar bahan mentah.
  - e. Pelabuhan yang strategic seperti Singapura, Hong Kong, Bombay, Bangkok, Macau.
5. Persaingan Kuasa
  - a. Persaingan mendapatkan kawasan antara penjajah seperti British, Belanda, Amerika, German, Russia, Itali., Portugis, dan Sepanyol
6. Keduduukan Yang Strategik
  - a. Di tengah perjalanan Timur dan Barat
  - b. Antara Eropah dan Timur Jauh
7. *Pasar Baru Barangan Industri Eropah*
  - a. *Tempat jualan barangan Industri terutama di China, India, dan Asia Tenggara.*
  - b. *Sebab penduduk yang ramai.*

#### **PERUBAHAN SISTEM POLITIK**

Ciri-ciri sistem pemerintahan Barat.

1. Kerajaan Pusat
2. Pelantikan Gabenor Jeneral
3. Penubuhan Jabatan atau biro
4. Pelantikan pegawai berdasar sistem pendidikan sekular
5. Pengenalan undang-undang barat.

## Fillipina

1. Sistem Barangay ( daerah kecil) - pentadbiran oleh Datu – Sistem Tradisional
2. Sistem Berpusat – dikenalkan Sepanyol – diketuai oleh Gabenor Jeneral
3. Sistem Encomeida – peringkat tempatan – diketuai oleh Encomeida ( Barangay yang disatukan). Pemerintahnya dikenali sebagai Encomiendaro yang bertugas:
  - o Menjaga keamanan
  - o Mengutip cukai
  - o Mengkristiankan penduduk barangay
4. Dibenci kerana
  - o Mengenakan cukai yang tinggi
  - o Mengerah tenaga penduduk penduduk
  - o Penyatuan Barangay – kurangkan kuasa Datu.

## Indonesia

1. Kerajaan berasingan diketuai Raja/Sultan seperti Mataram,dan Batam. Dan dibantu oleh pembesar – bupati ( pembesar daerah)
2. Belanda ubah kepada pentadbiran pusat dan tempatan.
3. Pusat di ketuai Gabenor Jeneral
4. Tempatan oleh Bupati dan diawasai oleh pegawai Belanda.
5. Wujud Jabatan seperti Pelajaran dan Pertanian
6. Wujud Dewan tempatan sebagai penasihat kepada Belanda tetapi tiada kuasa.
7. Wujud Volksraad – majlis rakyat yg didesak oleh Sarekat Islam sebagai asas kemerdekaan.

## Burma

1. Bermula sebagai sistem beraja Dinasti Konbaung. (ms 10 )
2. Dibantu oleh Majlis Raja ( Hlutan) dan **Wun** ( Pegawai Tinggi Kerajaan )  
**Wungyi**- menteri , **Wundaik** – Menteri Muda, **Myowun** – Gabenor.
3. Dibantu oleh Myothugyi ( Ketua Bandar) – Ywathugyi – ketua kampung.
4. Ahmundan ( Pegawai Diraja )
5. Athi ( Pembesar Tradisional)
6. Inggeris ubah – wujud Pesuruhjaya Tinggi British.
7. Perkenalkan Akta Kampung Ulu Burma 1867 dan Akta Perkampungan Burma 1889. Kesannya: ( ms 11 )
  - a. Lenyapkan pemerintahan Tradisional.
  - b. Kemerosotan pengaruh golongan agama.
  - c. Jatuhnya Dinasti Konbaung dan pemerintahan beraja.
  - d. Pengenalan perundangan barat.
  - e. Pentadbiran daerah oleh Myo-ak ( Pegawai Bandaran)
  - f. Wujud jabatan-jabatan.

Indo Cina.

1. Sebelum Perancis –pemerintahan berkuasa mutlak – beraja.
2. Diketuai oleh pembesar Mandarin. Dipengaruhi sistem pemerintahan China.Dipilih melalui sistempeperiksaan China.
3. Zaman Perancis di ketuai Gabenor Jeneral bertanggungjawab kepada Kementerian Tanah Jajahan di Paris.
4. Dibawahnya Leftenan Gabenor – memerintah wilayah/naungan.
5. Kemudian Residen Jeneral
6. Seterusnya Residen Wilayah.
7. Berbentuk Pusat atau Union Indochinoise.
8. Undang-undang diluluskan Parlimen Perancis.
9. Pentadbiran kerajaan tempatan tiada campur tangan kerajaan pusat., Cuma perlu bayar cukai dan sedia kerahan tenaga.

Tanah Melayu

1. Sistem tradisi – Beraja – Pembesar empat lipatan.
2. Pendudukan Portugis neruntuhkan sistem kesultanan.
3. Pemerintahan Belanda sistem beraja terus terhapus.
4. Pemerintahan British – Negeri Selat. – Diketuai Gabenor.-dibantu residen kaunselor. Kampung oleh penghulu.
5. Negeri Melayu bersekutu – wujud Sistem Residen.
6. Negeri Melayu Tidak Bersekutu – sistem penasihat.
7. Residen dan penasihat terletak dibawah Gabenor Negeri Selat. Bertugas sebagai
  - a. Menasihati sultan.:
8. British memperkenalkan
  - a. sistem kehakiman barat.
  - b. Pengenalan sistem cukai baru
  - c. Pembahagian negeri kepada daerah
  - d. Penubuhan balai polis.

Siam/Thailand

1. Sistem birokrasi Barat doperkenalkan sendiri oleh Mongkut dan Chulalongkorn.
2. Mongkut lantik 80 penasihat barat – ketuai dan latih pegawai tempatan.
3. Pelabuhan, Kewangan dan Polis – dari Britain
4. Kastam dan tentera dari Amerika dan Perancis.
5. Juruaudit – dari Britain
6. Chulalongkorn perkenalkan
  - a. Majlis Penasihat Rendah,
  - b. Majlis Mesyuarat Tertinggi
  - c. KabinetMenteri.

] Badan penasihat kepada raja dalam hal pentadbiran negara  
] - Terdiri bangsawan berpendidikan barat
7. Kesan pembaharuan wujud pentadbir baru berdasarkan pendidikan mereka.

8. 1932 – wujud sistem raja berpelembagaan. Kurangkan pengaruh pembesar tradisi dan raja. – faktor penting kekal merdeka.

## **FAKTOR KEMUNCULAN NASIONALISME**

1. Dasar Penjajahan
  - a. Penindasan yang dialami masyarakat pribumi dalam ekonomi, politik dan sosial
  - b. Cth Sistem Tanaman Paksa- Indonesia, Sistem Polo- Filipina.
  - c. Wujud jurang sosial yang tinggi.
  - d. Dasar Barat utama golongan elit spt bangsawan dan golongan berpendidikan barat.
  - e. Keterbukaan barat wujudkan kedatangan masyarakat imigran spt Cina dan India.
2. Pengaruh agama
  - a. Perpaduan rakyat berdasarkan agama tradisi – Islam, Budhha, Hindu dll – menentang pengaruh kristian dan budaya barat.
  - b. Cth. Gerakan Islam di T.Melayu dan Indonesia, Penubuhan Persatuan Belia Buddha Burma – jadikan agama sebagai alat perpaduan .
  - c. Gerakan Islan perjuangkan Pan Islamisasi – penyatuan dunia Islam menentang Barat.
  - d. Filipina Kristian pribumi menentang kristian Sepanyol kerana dianggap kelas kedua
3. Karya kesusastraan
  - a. Media menyampaikan maklumat kesengsaraan dan penindasan.
  - b. Cth. Filipina Jose Rizal mengarang Noli Me Tangere – untuk sedarkan ketinggalan masyarakat berbanding Sepanyol dan El Filibusterismo.
  - c. Indonesia – Kerikil-kerikil Tajam dan ke makam bonda , karya Chairil Anwar.
  - d. T.Melayu – Puter Gunung Tahan – karya Pak Sako.
4. Sistem Pendidikan
  - a. Ketidakadilan penjajah membangunkan pendidikan – gunakan bahasa penjajah.
  - b. Berikan hanya pada peringkat rendah dan golongan elit sahaja.
  - c. Indonesia d-berokan kd golongan priyayi ( pegawai tinggi kerajaan )dan diasangkan dengan anak org kebanyakan.
  - d. Tujuan Belanda utk pecah belah masyarakat.
  - e. Burma – wujud pendidikan sekular dan pendidikan mualigh kristian – satu ancaman kepada pendidikan agama Buddha.
  - f. T.Melayu lepas sekolah vernakular sukar dapat pekerjaan berbanding sekolah Inggeris.
  - g. Sistem pendidikan Barat lahirkan golongan intelektual berjiwa kebangsaan.
  - h. Sistem pendidikan agama lahirkan tokoh intelektual dalam negara atau luar.
5. Kemunculan golongan Intelektual
  - a. Berpeluang lanjutkan pelajaran di Barat dan Asia Barat – pendedahan idea falsafah Barat dan Islam.
  - b. Cth: Jose Rizal dapat pendidikan di Sepanyol dan pimpin Liga Filipina.

- c. Dapati penjajah barat tidak mentadbir tanah jajahan sebagai tanah air sendiri.
  - d. Memimpin gerakan nasionalisme. Peringkat awal tuntut taraf hidup dibela kemudian tuntut kemerdekaan.
6. Pengaruh media massa
- a. Melalui akhbar dan majalah – mencetuskan dan menyebarkan idea nasionalis dan tanam semangat anti penjajahan.
  - b. Cth: Vietnam – Tribune Indigene dan Cloche Felee., T.Melayu – al-Ikhwan, Saudara, Warta Malaya, dan Majlis. Fillipina –La Solidaridad.
  - c. Penjajah anggap satu ancaman terhadap kepentingan politik mereka dan dianggap bertentangan dengan kebebasan akhbar di negara mereka.
7. Sistem pengangkutan dan perhubungan
- a. Wujudnya perkhidmatan telefon dan telegraf mudahkan hubungan di kalangan nasionalis.
  - b. Jalan keretapi dan jalan raya hubungkan kaawasan yang terpisah.- mudahkan rakyat dan pemimpin bertemu.
8. Pengaruh luar
- a. Kejayaan Jepun tewaskan China 1895 dan Russia 1905 – buka mata nasionalis- sebab negara kecil kalahkan negara besar.
  - b. Perjuangan Mahatma Ghandhi tentang British di India- berikan inspirasi.

## **PERKEMBANGAN NASIONALISME**

1. Dibahagikan kepada 2 tahap
  - a. Penentangan secara terbuka, bersifat setempat, tidak berorganisasi
    - i. Isunya – kebudayaan, agama, dan hak pribumi.
    - ii. Penentangan dipimpin golongan pertengahan berpendidikan barat dan asia barat.
    - iii. penekanan kesedaran politik daripada tindakan politik.
    - iv. Tuntut hak dikembalikan dan taraf hidup dinaiki.
    - v. Kemerdekaan tidak dituntut.
  - b. Penentangan lebih radikal dan berorganisasi.
    - i. Sebab cara tahap pertama yang sederhana - gagal.
    - ii. Dipimpin pemimpin yg berpendidikan tentang kebudayaan dan ilmu barat.
    - iii. Matlamatnya menuntut kemerdekaan.
    - iv. Menyedari perubahan penjajah dan kesannya terhadap bangsa dan negara
    - v. Matlamat perjuangan lebih jelas – menuntut kemerdekaan dan membentuk kerajaan sendiri yang berdaulat.

## **PERKEMBANGAN NASIONALISME DI FILIPINA**

Tahap Pertama

1. **Gerakan dakyah** pimpinan Jose Rizal
2. Disokong golongan pertengahan berpendidikan barat

3. Menuntut supaya **Filipina dijadikan wilayah Sepanyol dan bangsa Filipina diberikan hak yang sama seperti bangsa Sepanyol** serta diberi kebebasan bersuara
4. Apabila tidak dilayan oleh Sepanyol, Jose Rizal menubuhkan **Liga Filipina** 1892
5. Mendesak Sepanyol melakukan **pembaharuan politik, ekonomi dan sosial**
6. Sepanyol berasa terancam lalu Jose Rizal ditangkap dan dibuang negeri ke Dapitan di Mindanao
7. Akhirnya dibunuh atas tuduhan melakukan pemberontakan.

#### Tahap Kedua

1. Bermula apabila Katipunan ditubuhkan oleh Andres Bonifacio
2. Penentangan secara radikal
3. Matlamat utama **menyatukan bangsa Filipina dan mencapai kemerdekaan melalui revolusi**
4. **Menggunakan media cetak** untuk menyebarkan fahaman revolusi “**kalayan**” ialah akhbar rasmi Katipunan
5. 1896- revolusi bersenjata untuk menggulingkan Sepanyol tetapi gagal
6. Katipunan semakin lemah selepas Bonifacio dihukum mati oleh Emilio Aquinaldo (1897)
7. Aquinaldo bekerjasama dengan Amerika Syarikat dan berjaya mengusir Sepanyol.
8. Penyingkiran Sepanyol memulakan penguasaan Amerika Syarikat ke atas
9. Filipina
10. Pengisytiharan kemedekaan oleh Aquinaldo (1899) tidak disahkan oleh Amerika Syarikat
11. Revolusi diteruskan dan akhirnya Aquinaldo ditangkap (1901)
12. Amerika membenarkan menubuhkan parti politik sederhana Sergio Osmena dilantik mengetuai Dewan Perhimpunan apabila partinya- Parti Nasional menang pilihan raya 1907
13. 1930-an, nasionalis Filipina kembali menuntut kemerdekaan melalui perlembagaan setelah pucuk pimpinan di Amerika Syarikat bertukar lebih liberal.

#### **EMILIO AQUINALDO**

- ❖ Menganggotai Katipunan
- ❖ Dilantik sebagai Datuk Bandar di Cavite pada 1895
- ❖ Bersama-sama Andres Bonifacio melancarkan pemberontakan pada 1896
- ❖ Dilantik sebagai Presiden Kerajaan Revolusi Filipina pada 1897

#### **PERKEMBANGAN NASIONALISME DI INDONESIA**

##### Tahap Pertama

1. Lebih menumpukan bidang pendidikan
2. Hanya pendidikan mampu mengubah nasib rakyat Indonesia
3. **Raden Adjeng Kartini** memajukan pendidikan untuk wanita

4. Karyanya “Habis Gelap Terbitlah Terang” dan “ Penulisan Seorang Puteri Jawa” mendedahkan kemunduran rakyat Indonesia dan penindasan Belanda.
5. Mendorong lahirnya pertubuhan yang lebih tersusun.
6. MUHAMMADIYAH = pertubuhan terpenting yang bermatlamat **menyebarkan Islam sebenar dan menghindari ancaman sekularisme Barat dan agama Kristian.**
7. Banyak membina sekolah, klinik dan masjid

**Tahap Kedua**

1. Perjuangan parti-parti radikal seperti SAREKAT ISLAM (SI), PARTI KOMUNIS INNDONESIA (PKI), PARTI NASIONAL INDONESIA (PNI)
2. Parti-parti menuntut kemerdekaan sekalipun menggunakan kekerasan
3. PNI di bawah Soekarno berjaya mempengaruhi rakyat Indonesia
4. Belanda berasa terdesak lalu menangkap pemimpin PNI termasuk Soekarno lalu mengharamkan PNI

**Soekarno**

1. Menubuhkan PNI pada 1927
2. Pejuang yang radikal
3. Dipenjarakan oleh Belanda pada 1929-1931
4. Dibuang ke Flores (Indonesia) pada 1934
5. Mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1945
6. Menjadi Presiden Indonesia pertama tahun 1949

## **PERKEMBANGAN NASIONALISME DI INDOCHINA**

**Tahap Pertama**

1. Lebih tertumpu di Vietnam dan dipelopori oleh golongan bangsawan dan pegawai daripada golongan Mandarin yang memperjuangkan pemulihan sistem pemerintahan beraja.
2. Golongan Menengah berpendidikan barat pula memperjuangkan pendidikan Barat dalam kalangan rakyat
3. Phan Boi Chau memimpin satu gerakan revolusi tetapi gerakan tersebut gagal
4. Beliau kemudiannya menubuhkan Viet Nam Quang Phu Hoi (VNQPH) dan melancarkan beberapa pemberontakan di Tongkin serta melancarkan gerakan dakyah di Vietnam.
5. Phan Boi Chau kemudiannya dipenjarakan dan VNQPH diharamkan oleh Perancis.
6. Pegawai daripada golongan Mandarin yang memperjuangkan pemulihan sistem pemerintahan beraja.

**Tahap Kedua**

1. Kegagalan parti-parti politik sederhana telah melahirkan gerakan nasionalisme yang lebih radikal.
2. Gerakan nasionalisme pada tahap ini ialah VietNam Quoc Dang Dang (VNQDD) dan Parti Komunis Vietnam (PKV)

3. Perancis bertindak balas dengan menangkap pemimpin-pemimpin VNQDD termasuk menghukum bunuh Nguyen Thai Hoc.
4. Ho Chi Minh pemimpin PKV terpaksa melarikan diri ke Hong Kong.
5. Sikap keras Perancis ini menyebabkan gerakan nasionalisme kembali bercorak sederhana di bawah pimpinan Maharaja Bao Da.

## **PERKEMBANGAN NASIONALISME DI BURMA**

### Tahap Pertama

1. Perjuangan golongan sami Buddha dan golongan elit berpendidikan Barat.
2. Golongan sami Buddha telah menubuhkan Persatuan Belia Buddha pada 1906 untuk mengekalkan tradisi Buddha dan memajukan pendidikan di kalangan rakyat Burma.
3. Pertubuhan ini menggunakan isu kasut untuk membangkitkan semangat nasionalisme rakyat.
4. 1916- Persatuan Belia Buddha telah dipimpin oleh nasionalis yang lebih radikal seperti U Ba Pe.
5. Pemimpin-pemimpin Persatuan Belia Buddha (YMBA) kemudiannya menubuhkan Majlis Persatuan Am Kesatuan-kesatuan Burma pada 1920 yang lebih radikal.

### Tahap Kedua

1. Muncul apabila Laporan Montagu-Chelsford menyatakan bahawa Burma masih belum bersedia untuk memerintah sendiri.
2. Menjelang 1920, tercetus Revolusi Pelajar yang menuntut penubuhan sebuah universiti untuk mereka.
3. Gerakan golongan sami Buddha di Burma melalui Majlis Am Sangha Sametggi yang mencetuskan Pemberontakan Saya San yang diketuai oleh Saya San, seorang bekas pongyi dan pemimpin di Tharawaddy-Muncul Liga Antipemisahan yang menganggap pemisahan dengan India hanya akan melewatkau kemerdekaan.
4. Pengenalan Perlembagaan Burma 1935 memberikan peluang ke arah berkerajaan sendiri.
5. Golongan Thakin (Siswazah universiti) menubuhkan Parti Dobama Asiayone pada 1935 untuk menuntut kemerdekaan.
6. Para pemimpinnya terdiri daripada Aung San, Kyaw Nein dan U Nu yang menggelarkan diri sebagai “Tuan”
7. Dr. Ba Maw yang memenangi pilihan raya 1937 dilantik menjadi Perdana Menteri pertama.

### Aung San:

1. Aktif dalam gerakan Blok Pembebasan yang menuntut kemerdekaan
2. Menetuai Liga Pembebasan Rakyat Anti-Fasis kerana kecewa dengan sikap Jepun
3. Menetuai rombongan kemerdekaan dan menubuhkan kerajaan baru Burma.

## **PERKEMBANGAN NASIONALISME DI THAILAND**

### Tahap Pertama

1. Merupakan kegelisahan rakyat terhadap penguasaan politik oleh kerabat raja dan penentangan terhadap raja berkuasa mutlak.
2. Perkembangan sistem pendidikan barat telah memberikan pendedahan terhadap fahaman liberal, sistem demokrasi dan sistem raja berperlembagaan kepada golongan intelek.
3. Kelemahan sistem pentadbiran dan sikap boros Raja Vajiravudh menyebabkan rakyat tidak berpuas hati.
4. Seterusnya, penubuhan Parti Rakyat pada 1932 oleh Nai Pridi Phanomyong dan Field Marshall Phibul Songram.
5. Parti Rakyat melancarkan Revolusi Thai 1932 yang menamatkan sistem raja berkuasa mutlak.

### Tahap Kedua

1. Disebabkan rasa tidak puas hati rakyat terhadap cengkaman ekonomi oleh kapitalis Barat dan orang Cina.
2. Phibul Songram meluluskan undang-undang untuk menyekat kebebasan dan penguasaan ekonomi oleh orang Cina, sekolah Cina dan akhbar Cina dibubarkan.
3. Penduduk peribumi digalakkan melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi.
4. Jawatan tertinggi dalam kerajaan untuk pengikut Buddha sahaja.
5. Pada 1939, Phibul Songram telah menukar nama Siam kepada Thailand yang bermaksud Tanah Bebas.
6. Hasil kerjasama dengan Jepun semasa Perang Dunia Kedua, Thailand berjaya mendapatkan semula wilayah-wilayah di Indochina dan di Tanah Melayu